

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH :

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan program-program yang telah dibuat dengan kerajaan negeri-kerajaan negeri khususnya bagi negeri Kelantan untuk mempromosikan penggunaan teknologi hijau serta aktiviti kitar semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

1. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi hijau serantau, pelbagai inisiatif, program dan aktiviti sedang dirangka yang melibatkan pelaksanaan yang komprehensif. Salah satunya adalah kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

2. Bagi mengukuhkan kerjasama pembangunan teknologi hijau antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri kali ke-121 pada 17 Jun 2014 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Persekutuan dan Negeri. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk memastikan perkembangan dan pembangunan teknologi hijau dan usaha-usaha menangani isu perubahan iklim di peringkat Kerajaan Persekutuan selari dengan kerajaan-kerajaan negeri.

3. Bermula pada tahun 2013 hingga kini, peruntukan sebanyak RM2.4 juta telah disediakan di bawah Majlis Teknologi Hijau dan

Perubahan Iklim (MTHPI) bagi menjalankan aktiviti/program pembangunan teknologi hijau di peringkat Kerajaan Negeri. Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2013 dan 2014 dengan menggunakan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Bengkel penubuhan Majlis Teknologi Hijau Peringkat Negeri di negeri Johor, Sarawak, Terengganu, Kedah dan Perlis;
- ii) Program Perintis minyak masak terpakai di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya;
- iii) Seminar Kesedaran Aplikasi Teknologi Hijau dan Amalan Gaya Hidup Hijau di Sabah, Negeri Sembilan dan Perlis;
- iv) Projek Penuaian Air Hujan di Sabah;
- v) Bengkel *Zero Waste* di Pulau Pinang;
- vi) Kempen Kesedaran Pembangunan Program Biodiesel di Melaka; dan
- vii) Penyertaan Kerajaan Negeri di *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)* untuk mempromosi dan menarik pelaburan baru dalam bidang teknologi hijau di negeri-negeri.

4. Selain kerjasama melalui peruntukan tersebut, KeTTHA juga menjalankan kerjasama dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya, Perbadanan Putrajaya, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan IRDA dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif perbandaran rendah karbon.

5. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau) pada tahun 2013 yang berperanan untuk mempromosi dan meningkat kesedaran awam terhadap teknologi hijau dan amalan hijau agar ia dapat menjadi satu budaya di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Sejak penubuhannya, YaHijau telah menganjurkan Karnival Hijau di dua buah negeri iaitu di Sabah dan Johor bagi menggalakkan amalan dan gaya hidup hijau serta mengembangkan aplikasi hijau di kalangan belia, pelajar sekolah dan universiti, badan-badan korporat dan masyarakat umum.

6. KeTTHA juga sedang mengambil inisiatif untuk menganjurkan *Green and Eco Product Festival* pada bulan April 2015 yang akan mengetengahkan produk-produk hijau yang mesra alam melalui penglibatan usahawan hijau tempatan di pasar raya besar.

Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan Persidangan Hijau dan Ekspo Hijau pada 29 Oktober hingga 2 November 2014 di Digital City, KB Mall, Kota Baharu melalui peruntukan KeTTHA sebanyak

RM50,000.00. Tambahan peruntukan sebanyak RM30,000.00 akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun ini bagi pelaksanaan program/aktiviti teknologi hijau.

7. Pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan telah menyediakan kertas kerja bagi penubuhan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negeri Kelantan dan ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri yang terdekat. Pembangunan teknologi hijau di negeri Kelantan akan dirancang dengan lebih aktif dan menyeluruh selaras dengan penubuhan Majlis tersebut.
